

PENERAPAN TEORI SPIRITUAL IMAM AL-GHAZALI DALAM ANALISIS KARYA SASTERA KONTEMPORARI

THE APPLICATION OF IMAM AL-GHAZALI'S SPIRITUAL THEORY IN THE ANALYSIS OF CONTEMPORARY LITERARY WORKS

Ainun Huda Mardhiah Lokman Hakim¹

Firuz Akhtar Lubis²

Md Nor Abdullah^{3*}

Zulkarnain Mohamed⁴

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: a194003@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: firuz@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: monab@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: nain@ukm.edu.my)

*Corresponding author: monab@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Lokman Hakim, A. H. M., Lubis, F. A., Abdullah, M. D. & Mohamed, Z. (2026). Penerapan teori spiritual imam al-Ghazali dalam analisis karya sastra kontemporari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 640 – 646.

Abstrak: Teori spiritual Imam al-Ghazali menawarkan satu pendekatan kerohanian yang mendalam untuk memahami pembentukan jiwa, penyucian hati dan pembangunan akhlak manusia. Dalam konteks kajian sastra kontemporari, teori ini membuka ruang analisis baharu terhadap karya yang memaparkan konflik batin, transformasi sendiri dan perjalanan kerohanian watak. Pendekatan spiritual al-Ghazali menekankan hubungan antara elemen dalaman manusia seperti hati, akal, ruh dan nafs yang menjadi asas kepada keseimbangan rohani dalam kehidupan individu. Artikel ini bertujuan meneroka penerapan Teori Spiritual Imam al-Ghazali yang berasaskan empat elemen asas tersebut dalam memahami pembentukan jiwa dan transformasi watak dalam karya sastra kontemporari. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kandungan melalui sumber kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa teori spiritual al-Ghazali bukan sahaja berfungsi sebagai kerangka kerohanian, tetapi juga sebagai alat kritikan yang berkesan untuk menelusuri dimensi batin serta konflik nilai dalam teks sastra. Penerapan teori ini membantu menonjolkan aspek kerohanian yang sering terpinggir dalam kritikan moden yang lebih bersifat struktural atau materialistik. Kajian ini mencadangkan agar teori ini terus diperluas penggunaannya dalam penyelidikan sastra, psikologi dan pendidikan dengan harapan lebih banyak pengkaji meneroka pendekatan kritikan yang menekankan nilai spiritual, akhlak dan keseimbangan jiwa.

Kata Kunci: Imam al-Ghazali; Teori Spiritual; Karya Sastra Kontemporari

Abstract: *Imam al-Ghazali's Spiritual Theory offers a profound spiritual framework for understanding the formation of the soul, the purification of the heart, and the development of human morality. Within the context of contemporary literary studies, this theory provides a new analytical perspective for examining literary works that portray inner conflicts, self-transformation, and the spiritual journeys of characters. Al-Ghazali's spiritual approach emphasises the interrelationship between the fundamental internal elements of the human being - namely the heart (qalb), intellect ('aql), spirit (rūh), and soul/self (nafs) - which collectively constitute the foundation of spiritual equilibrium in human life. This article aims to explore the application of Imam al-Ghazali's Spiritual Theory, grounded in these four essential elements, in understanding the formation of the soul and the transformation of characters in contemporary literary works. The study employs a qualitative approach through content analysis based on library research sources. The findings reveal that al-Ghazali's spiritual theory functions not only as a spiritual framework but also as an effective critical tool for examining the inner dimensions and value conflicts embedded within literary texts. The application of this theory highlights spiritual aspects that are often marginalised in modern literary criticism, which tends to be more structural or materialistic in orientation. This study recommends the broader utilisation of this theory in literary, psychological, and educational research, with the expectation that more scholars will explore critical approaches that emphasise spiritual values, moral development, and the attainment of psychological and spiritual balance.*

Keywords: *Imam al-Ghazali; Spiritual Theory; Contemporary Literary Works*

Pengenalan

Karya sastra kontemporari sering berhadapan dengan dilema nilai yang kompleks disebabkan oleh perubahan sosial, teknologi dan budaya yang pesat. Perkembangan ini membuktikan bahawa pembacaan dan penciptaan karya sastra kini telah mengalami perubahan yang ketara berbanding masa lalu. Sastra kontemporari semakin cenderung menampilkan tema yang relevan dengan realiti semasa seperti konflik batin, perubahan sosial, isu identiti, tekanan hidup dan pergelutan emosi yang mencerminkan pengalaman masyarakat moden (Samling, 2025). Meskipun sastra moden mengangkat latar, watak dan konflik yang seiring dengan realiti semasa, dimensi spiritual masih menjadi elemen penting yang memperkuat tema utama dan perkembangan watak. Namun, analisis sastra moden didapati kurang memberi perhatian kepada dimensi kerohanian kerana lebih cenderung kepada kerangka materialistik dan struktural. Kebanyakan teori hanya menyentuh aspek luaran seperti sosial, ekonomi, kuasa, gender dan struktur naratif sehingga tidak cukup untuk memberikan interpretasi mendalam terhadap dimensi batin dan spiritual watak. Menurut Sikana (2022), kaedah analisis yang lebih fleksibel untuk menangani kerumitan wacana moden adalah dengan mengambil pendekatan eklektik dan interdisiplin, yang kian diperlukan dalam akademik moden. Pendekatan eklektik membolehkan pemilihan teori yang paling sesuai dengan ciri teks, manakala kaedah interdisiplin pula membuka ruang untuk membawa disiplin ilmu lain seperti sosiologi, psikologi dan keilmuan Islam ke dalam analisis. Dalam konteks ini, teori spiritual Imam al-Ghazali menjadi relevan kerana fleksibel untuk digabungkan dengan pelbagai perspektif serta menyediakan asas konseptual yang kukuh untuk meneliti aspek kerohanian manusia. Justeru, penggunaan teori spiritual Imam al-Ghazali berasaskan konsep-konsep utama iaitu hati, akal, ruh dan nafs serta pendekatan spiritual sebagai inti pembangunan jiwa manusia seperti akidah, tazkiyyat al-nafs, ibadah lahiriah dan akhlak karimah menjadi sangat relevan untuk menganalisis dimensi kerohanian dalam karya sastra kontemporari.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan. Kaedah pengumpulan data dilaksanakan melalui analisis terhadap sumber-sumber sekunder seperti buku, artikel ilmiah, jurnal, serta dokumen yang berkenaan teori spiritual imam al-Ghazali. Kajian ini menumpukan kepada pemetaan idea, pendekatan, serta model aplikasi kerangka al-Ghazali, bagi menilai sejauh mana teori tersebut berpotensi atau telah digunakan dalam menganalisis karya sastra kontemporari.


Dapatan dan Perbincangan

Definisi Teori Spiritual Imam al-Ghazali

Menurut Kechik dan Ahmad (2017), Imam al-Ghazali telah mengarang banyak kitab dalam pelbagai bidang, antaranya ialah kitab *Ihya' 'Ulumuddin*. Kitab ini mengupas tentang ilmu-ilmu berkaitan agama, iaitu prinsip dan kaedah tasawwuf serta fiqh dengan sangat mendalam. Menurut al-Nadawi, al-Ghazali diantara tokoh yang banyak memberikan tumpuan terhadap usaha membawa masyarakat kembali kepada aspek kerohanian dan spiritual (Hamjah, 2018). Nama al-Ghazali juga sering dikaitkan dengan kajian berkaitan spiritual dan kerohanian (Wahid et al., 2025). Berdasarkan penglibatan dan kepakarannya dalam bidang kerohanian, Imam al-Ghazali turut memberikan sumbangan besar dalam pengembangan teoriteori Islami, khususnya dalam falsafah Islam, termasuklah Teori Spiritual Imam al-Ghazali (Wahid et al., 2025). Teori ini berfungsi sebagai panduan untuk menilai perilaku dan sikap manusia agar selari dengan ajaran Islam. Selain itu, teori ini menekankan aspek *tarbiyyah ruhiyyah*, iaitu pendidikan kerohanian yang menerapkann elemen *ruh*, *qalb* (hati), *nafs* dan akal. Tambahan pula, terdapat empat prinsip atau pendekatan utama yang menjadi tunjang kepada teori spiritual Imam al-Ghazali iaitu akidah, ibadah lahiriah, *tazkiyyat al-nafs* dan akhlak *karimah*.

Elemen Spiritual al-Ghazali

Perbincangan tentang spiritual dalam perspektif al-Ghazali menekankan empat elemen utama iaitu *ruh*, *nafs*, akal dan hati (Hamjah, 2018; Hamjah et al., 2012; Safitri et al., 2023; Wahid et al., 2025). Unsur hati, jiwa dan *nafs* adalah elemen yang memberi pengaruh besar terhadap pembentukan sifat dalaman manusia, manakala akal pula berperanan dalam mempengaruhi tindakan dan tingkahlaku luaran. Walau bagaimanapun, elemen yang paling dominan dalam menentukan tingkah laku manusia ialah hati, selaras dengan pendapat al-Ghazali yang mengibaratkan hati sebagai raja dalam diri manusia yang menentukan hala tuju dan kualiti hidup seseorang (Sarmani & Ninggal, 2008; Abas & Yusof, 2020). Bagi melihat penjelasan ini dengan lebih terperinci, Rajah 3 memaparkan gambaran empat elemen dalam perspektif spiritual al-Ghazali:



Rajah 3: Elemen Spiritual al-Ghazali (Wahid et al., 2025)

Ruh

Ruh mempunyai dua maksud yang berbeza. Pertama, menurut al-Ghazali, *ruh* merupakan pusat pergerakan bagi seluruh saluran darah yang seterusnya mengalir ke seluruh tubuh manusia. Hasil daripada perjalanan *ruh* itulah yang menghidupkan penglihatan, perasaan dan pendengaran (Omar & Ninggal, 2019; Azaman & Badaruddin, 2016). Kedua, *ruh* merujuk kepada suatu hakikat halus yang terdapat dalam diri manusia dan merupakan unsur yang bersifat luar biasa sehingga akal pemikiran manusia tidak dapat menandinginya (Hamjah, 2018; Ali, 2010; Sham et al., 2013, Wahid et al., 2025).

Nafs

Menurut al-Ghazali, *nafs* juga mempunyai dua maksud. Pertama, *nafs* ditafsirkan sebagai hawa nafsu yang merangkumi sifat marah dan syahwat dalam diri manusia. Ahli tasawuf kebiasaannya menggunakan takrif ini kerana hawa nafsu dianggap sebagai punca utama segala perilaku tercela manusia (Hamjah, 2018; Wahid et al., 2025). Kedua, *nafs* ialah hakikat manusia atau zat. Dalam pengertian ini, *nafs* mempunyai pelbagai sifat bergantung pada keadaan tertentu. Al-Ghazali, membahagikan *nafs* kepada tiga tingkatan utama (Ali, 2010; Sham et al., 2013; Wahid et al., 2025):

- *Nafs mutma'innah* ialah nafsu yang tenang dan merupakan komponen nafsu yang baik dalam diri individu (Azaman & Badaruddin, 2016). Tingkatan ini merupakan tahap *nafs* yang paling tinggi dan digelar sebagai jiwa yang soleh (Ahmad & Hassan, 2015).
- *Nafs lawwamah* ialah nafsu penyesalan yang berada di tengah-tengah naluri manusia. *Nafs* ini belum mencapai ketenangan sepenuhnya kerana masih berlaku pergolakan batin antara dorongan kebaikan dan kejahatan. Pada peringkat ini, seseorang mula memiliki kesedaran dan keinsafan namun rasa berat untuk meninggalkan kejahatan tetap wujud yang menandakan bahawa nafsu *ammarah* sudah mula diatasi dan hidayah mula menyentuh hatinya (Azaman & Badaruddin, 2016; Warsah, 2017; Hamjah, 2018; Wahid et al., 2025).
- *Nafs ammarah* ialah nafsu yang mendorong manusia kepada kejahatan yang tunduk kepada hawa nafsu dan mengikuti bisikan syaitan (Hamjah, 2018; Warsah, 2017; Wahid et al., 2025). Al-Ghazali menyatakan nafsu jahat sangat berpengaruh ke atas tindakan dan perilaku manusia untuk memuaskan nafsu syahwat (Azaman & Badaruddin, 2016).

Akal

Akal ialah tempat berkembangnya ilmu pengetahuan. Akal membezakan manusia daripada haiwan. Menurut perspektif al-Ghazali (Jalil et al., 2017), makna akal dapat dibahagikan kepada empat maksud. Pertama akal diibaratkan sebagai cahaya yang hadir dalam hati manusia yang mendorong untuk mengetahui pelbagai perkara. Kedua, akal ditafsirkan sebagai ilmu yang wujud dalam diri manusia yang membantu mereka membezakan antara perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Ketiga, akal merujuk kepada pengetahuan yang diperoleh melalui pengalaman hidup, yang menjadikan manusia lebih matang dan berhikmah. Keempat, akal merupakan kekuatan manusia untuk mengawal hawa nafsu serta menjadi panduan dalam melakukan perbuatan baik (Wahid et al., 2025).


Hati

Menurut al-Ghazali, hati mempunyai dua pengertian iaitu fizikal dan spiritual (Hamjah, 2018; Ali, 2010). Pertama, hati ditakrifkan sebagai segumpal daging berbentuk bujur yang terletak di bahagian kiri dada manusia, yang juga dikenali sebagai fizikal. Kedua, hati berkait rapat dengan roh, iaitu amanah yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia dan dihiasi dengan fitrah ilmu (Azaman & Badaruddin, 2016). Hati mengilhamkan manusia untuk berusaha

mencapai kesempurnaan, dengan beribadah kepada Allah SWT sebagai matlamat tertinggi (Omar & Ninggal, 2019; Wahid et al., 2025). Hati juga menjadi tempat bersemainya iman, takwa, ikhlas, amanah dan sifat-sifat terpuji yang lain (Wahid et al., 2025). Walaupun ia mulia kerana berpotensi mendekatkan manusia kepada Penciptanya (Azaman & Badaruddin, 2016), hati juga terdedah kepada penyakit rohani, kegelapan dosa dan tidak terlepas daripada kemungkinan kehadiran sifat kufur serta kemunafikan (Wahid et al., 2025), yang hanya dapat dirawat melalui ilmu pengetahuan, muhasabah dan pembersihan jiwa (Azaman & Badaruddin, 2016). Kebaikan pada hati akan mengalirkan kebaikan ke seluruh anggota tubuh manusia dan demikian juga sebaliknya (Ahmad et al., 2010).

Prinsip Teori Spiritual Imam Al-Ghazali

Teori Spiritual Imam al-Ghazali menggariskan empat prinsip utama yang perlu diterapkan dalam kehidupan iaitu:



Rajah 1: Prinsip Teori Spiritual Imam al-Ghazali (Rahman & Lubis, 2025)

Setiap empat prinsip ini mempunyai beberapa elemen dibawahnya yang perlu dipenuhi. Empat prinsip Teori Spiritual Imam al-Ghazali ini diklasifikasikan seperti berikut:

Prinsip Akidah

Prinsip akidah membentuk asas keyakinan tauhid melalui kefahaman mendalam terhadap empat elemen ketuhanan, iaitu Zat Allah SWT, kekuasaan-Nya, iradat-Nya, serta sifat *Sama'* (Mendengar) dan *Basar* (Melihat) Allah SWT. Dalam analisis sastera kontemporari, prinsip akidah ini diaplikasikan untuk meneliti dimensi pegangan tauhid watak, termasuk bagaimana watak bertindak balas apabila berhadapan dengan krisis keimanan atau fasa pencarian semula hakikat ketuhanan dalam naratif.

Prinsip Ibadah Lahiriah

Prinsip ibadah lahiriah berfungsi sebagai bentuk *riyadah ruhiyyah* (latihan spiritual) yang memanifestasikan hubungan fizikal antara makhluk dengan Penciptanya. Prinsip ini dipecahkan kepada amalan ritual peribadi merangkumi elemen solat, puasa, zikir, berdoa dan membaca al-Qur'an serta amalan sosial yang merangkumi elemen sedekah dan tanggungjawab amar ma'ruf nahi munkar. Pengkaji sastera boleh memanfaatkan prinsip ini sebagai indikator untuk mengesan perubahan tingkah laku luaran watak, terutama apabila watak mula berpaling kepada amalan ritual sebagai *coping mechanism* (mekanisme pertahanan diri) untuk mendepani tekanan hidup dan pergelutan emosi.

Tazkiyyat al-Nafs

Prinsip tazkiyyat *al-nafs* menjadi teras kepada penerokaan konflik batin watak. Prinsip ini memfokuskan kepada aspek *takhalli* (pembersihan diri) yang dipecahkan kepada elemen pengendalian nafsu *ammarah* serta penyingkiran penyakit hati (sifat *madhmumah*) seperti kedengkian, sifat bakhil dan kebanggaan diri iaitu *'ujub* atau *takabbur*. Melalui lensa kritikan sastera, prinsip ini amat kritikal untuk merungkai psiko-spiritual watak khususnya dalam

memaparkan pergelutan dalaman antara dorongan kebaikan dan kejahatan sewaktu watak berusaha membebaskan dirinya daripada belenggu trauma atau narsisme.

Prinsip Akhlak *Karimah*

Prinsip ini merupakan kemuncak kepada keseluruhan pembangunan jiwa yang dipecahkan kepada elemen sifat *mahmudah* seperti *khawf* (rasa takut kepada Allah SWT), sabar reda, ikhlas, jujur dan tawakal. Dalam struktur plot sesebuah karya kontemporari, prinsip ini dapat diaplikasikan sebagai kerangka analisis untuk menilai keberkesanan transformasi moral watak. Penilaian ini dapat dilihat melalui perkembangan watak sehingga mencapai ketenangan jiwa (*nafs al-mutma'innah*) kematangan rohani setelah mengharungi pelbagai konflik serta cabaran sepanjang perkembangan naratif.

Tuntasnya, kombinasi yang bersepadu antara elemen dalaman iaitu *ruh*, akal, *nafs* dan hati dengan manifestasi luaran yang dizahirkan melalui empat prinsip utama Teori Spiritual Imam al-Ghazali mencerminkan komitmen kerohanian yang menyeluruh. Keseluruhan elemen ini membentuk rangka kerohanian yang saling melengkapi dalam memahami pembangunan jiwa manusia menurut al-Ghazali. Semua elemen dalam empat prinsip ini menawarkan satu kerangka konseptual yang utuh dan komprehensif bagi memahami dimensi spiritual kemanusiaan yang sering kali terpinggir dalam kerangka teori Barat yang bersifat materialistik.

Oleh yang demikian, berpaksikan kepada kekuatan konseptual tersebut, elemen seperti *ruh*, akal, *nafs* dan hati bersama prinsip asas al-Ghazali iaitu akidah, ibadah lahiriah, *tazkiyyat al-nafs* dan akhlak *karimah* dalam Teori Spiritual Imam al-Ghazali boleh diaplikasikan secara berkesan dalam kajian sastera kontemporari. Keseluruhan elemen tersebut menyediakan kerangka konseptual yang meneliti pembentukan jiwa watak termasuk konflik batin, perubahan moral dan perjalanan rohani dalam teks. Melalui prinsip ini, pembentukan jiwa dapat difahami melalui kekuatan akidah dan kebergantungan Allah SWT, manakala konflik batin dapat dilihat melalui perjuangan *nafs* serta usaha *tazkiyyat al-nafs* (penyucian jiwa). Dalam kajian Rahman dan Lubis (2025), yang menggunakan Teori Spiritual Imam al-Ghazali dalam kajian kritiknya menunjukkan bagaimana teori al-Ghazali dapat mengenal pasti perjuangan *nafs* watak utama, pencarian akidah yang lebih kukuh serta proses penyucian jiwa yang membawa kepada pembentukan akhlak mulia. Melalui kajian seperti ini, membuktikan bahawa teori al-Ghazali mampu memberikan bacaan alternatif yang lebih mendalam terhadap aspek nilai, spiritual dan kemanusiaan dalam karya sastera sekali gus mengukuhkan kedudukan teori ini sebagai kerangka kritikan yang relevan dalam analisis sastera kontemporari.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa Teori Spiritual Imam al-Ghazali merupakan satu kerangka yang komprehensif dan signifikan untuk memahami dimensi kerohanian dalam karya sastera kontemporari melalui penekanan terhadap empat elemen asas hati, akal, *nafs* dan *ruh* serta prinsip akidah, ibadah lahiriah, *tazkiyyat al-nafs* dan akhlak *karimah*. Teori ini bukan sahaja berfungsi sebagai kerangka konseptual tetapi juga alat kritikan untuk memahami dimensi rohani dan nilai keagamaan dalam teks. Kajian masa depan disarankan memperluas genre teks, menggabungkan pendekatan interdisiplin dan membandingkan dengan teori Islamik lain bagi memperkayakan analisis sastera.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah Geran Universiti Penyelidikan, kod GUP-2025-019, bertajuk: 'Model Biblioterapi AI Sastera Islami untuk Kesihatan Emosi Remaja Perempuan Muslim'.

Rujukan

- Abas, M. K. J. & Yusof, A. S. (2020). Manusia daripada sudut pandang al-Ghazali: Telaah kitab Kimiya al-Saadah. *Attarbawiy Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 140-147.
- Ahmad, R. & Hassan, S. A. (2015). *Tazkiyatun nafs* (purification of the soul): Apsycho-spiritual approach in strengthening marriage relationships. *Elixir International Journal*, 83, 33239-33242.
- Ahmad, Y., Sipon, S. & Mutalib, M. M. A. (2010). Peranan kerohanian dalam menangani gejala dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 2(2), 137-154.
- Ali, S. N. (2010). *Imam al-Ghazali: Moral and Religious Teachings*. Kuala Lumpur: A.S Nordeen.
- Azaman, F. N. M. & Badaruddin, F. (2016). Nilai-nilai pembangunan modal insan menurut al-Ghazali. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1), 11-27.
- Hamjah, S. H. (2018). *Pendekatan Kaunseling Spiritual menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamjah, S. H., Rozali, E. A., Rasit, R. M. & Ismail, Z. (2012). Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 4(2), 51-60.
- Jalil, S. J. A., Yusoff, Y. M. & Ismail, R. (2017). Pembinaan konsep sendiri dari perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 45(1), 1-26.
- Kechik, A. A. A. & Ahmad, M. H. A. S. (2017). Tarkhrij dan analisis hadith-hadith mengenai kelebihan menuntut ilmu: Kajian terhadap kitab Ihya' 'Ulumuddin karya Imam al-Ghazali. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Omar, N. E. & Ninggal, M. T. M. (2019). Teori kaunseling psiko-spiritual al-Ghazali: Suatu pendekatan alternatif dalam intervensi kaunseling. *Global Jurnal Al-Thaqafah*, 9(3), 69-77.
- Rahman, N. I. A. & Lubis, F. A. (2025). Kritikan sastera terhadap tema keagamaan dalam Novel *Burung Pipit dari Timur* karya Taufiq al-Hakim berdasarkan teori spiritual Imam al-Ghazali. *AL-QALAM International Journal of Arabic Studies*, 6(6), 41-52.
- Safitri, D., Zakaria & Kahfi, A. (2023). Pendidikan kecerdasan spiritual perspektif al-Ghazali dan relevansinya dengan Emotional Spiritual Quotient (ESQ). *Jurnal Tarbawi*, 6(1), 78-98.
- Samling, B. A. (2025). Di manakah kedudukan sastera dalam dunia moden?. *Wadah Dewan Bahasa dan Pustaka*, 20 April.
- Sarmani, Y. & Ninggal, M. T. (2008). *Teori Kaunseling al-Ghazali*. Batu Caves: PTS Islamika.
- Sham, F. M., Hamjah, S. H. & Sharifudin, M. J. (2013). *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sikana, M. (2022). Kaedah elektik dan interdisiplin. *Sinar Harian*, 25 Disember.
- Wahid, A., Karneli, Y., Solfema, S. & Qorib, F. (2025). Al-Ghazali's psycho-spiritual counseling theory: Guidance and counseling from the perspective of Islamic philosophers. *Al-Musyrif: Jurnal Bimbingan dan Konseling Islam*, 8(1), 1-11.
- Warsah, I. (2017). Interkoneksi pemikiran al-Ghazali dan Sigmund Freud tentang potensi manusia. *Jurnal Penelitian Sosial dan Keagamaan*, 33(1), 54-77.